



**TERIMA KASIH:** Carolyn menyampaikan cenderahati kepada Peter pada kunjungan itu.

## UMS perkukuh pengurusan bencana bersama pihak berkuasa tempatan

**UB 10.10.2024 P.04**

**KOTA KINABALU:** Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkuuh kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam pengurusan bencana dengan mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Daerah Kota Belud, baru-baru ini.

Pengarah NDRC, Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Carolyn M. Payus berkata, antara inti pati perbincangan bersama Pegawai Daerah Kota Belud, Peter Jiton adalah mengenai fungsi, peranan dan beberapa penyelidikan seperti gempa bumi, banjir dan hakisan pantai yang dijalankan.

Carolyn berkata, aktiviti

Makmal Hidup Bencana Alam Melangkap (MaHBAM) di daerah itu dilancarkan pada 30 April lalu.

Manakala Jawatankuasa Bertindak Bencana Melangkap telah dibentuk melibatkan wakil komuniti lima kampung di Melangkap Baru, Melangkap Tiong, Melangkap Tomis, Melangkap Kapa dan Melangkap Noriou.

Katanya, Jawatankuasa Bencana Alam Melangkap merupakan yang pertama diutuhkan di Sabah.

“Tujuannya untuk melatih komuniti agar lebih bersiap-siaga dan berdaya tahan terhadap bencana.

“Pasukan komuniti yang

dibentuk ini akan bertindak serta-merta sekiranya berlaku sebarang bencana di kawasan mereka sementara menunggu bantuan agensi penyelamat,” katanya.

Sementara itu, Peter menyambut baik usaha yang dijalankan NDRC dan berharap agar pusat itu bekerjasama dengan pengurusan bencana daerah.

Turut hadir Ketua Kluster Hakisan Pantai dan Sungai NDRC UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ejria Saleh; Pegawai Penyelidik NDRC UMS Eldawaty Madran serta Penolong Pegawai Daerah Kota Belud (Pembangunan), Sabali Yusof.